

PEMBINAAN MODEL LATIHAN TARANUM BERSEPADU (MLTB) DALAM MENINGKATKAN KUALITI BACAAN PESERTA MAJLIS TILAWAH AL-QURAN DI MELAKA

Azmi Budin

Pensyarah Jabatan Usuluddin Fakulti KeiImuan Islam,
Universiti Melaka

Rahisham Ramli

Pensyarah Jabatan Syariah Fakulti KeiImuan Islam,
Universiti Melaka

Mohd Hakim Mothar Rijan

Pensyarah Jabatan Al-Quran & Sunnah Fakulti KeiImuan Islam,
Universiti Melaka

Corresponding Author's Email: azmibudin@unimel.edu.my

Article history:

Received : 26 October 2022

Accepted : 22 December 2022

Published : 31 December 2022

ABSTRAK

Majlis Tilawah al-Quran (MTQ) menjadi medan terbaik melahirkan ramai peserta yang berkualiti dalam bacaan al-Quran. Empat aspek utama dalam kualiti bacaan diambil kira iaitu tajwid, fasohah, tarannum dan seni suara. Tarannum menjadi ukuran utama bagi peserta untuk mencapai markah tertinggi dalam MTQ. Kualiti bacaan johan Qari dan Qariah semenjak 2012 tercatat markah tertinggi 95.33% dan 94.00%. Namun pada tahun 2018 markah susut kepada 92.09% dan 92.05%. Berdasarkan pencarian kajian-kajian lepas, temu bual ringkas bersama johan Qariah 2018 dan maklumat dari agensi berkaitan MTQ, sehingga kini tiada Model Latihan Tarannum Bersepadu (MLTB) dilaksanakan sama ada di peringkat negeri maupun persekutuan bagi memberi persediaan yang mencukupi kepada para peserta. Kursus tahsin sedia ada pula mempunyai kekangan dari aspek kos, masa dan mentor. Masalah tersebut memberi kesan kepada persediaan dan kualiti bacaan peserta. Justeru kajian ini mendapati satu keperluan untuk membina MLTB bagi memastikan para peserta dapat meningkatkan kualiti bacaan selari dengan MTQ sebagai sebuah acara berprestasi tinggi. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dengan menggunakan data triangulasi (dokumen, pemerhatian dan temu bual). Informan terdiri daripada peserta MTQ, pegawai Agama Islam, hakim dan pengangur MTQ di Melaka sebagai lokasi kajian yang dipilih. Hasil temu bual dijangka memberi maklumat mengenai MLTB yang akan dibentuk bersama dengan dokumen dan pemerhatian. Kajian ini akan menghasilkan satu model MLTB bagi meningkatkan kualiti bacaan peserta, memberi panduan kepada MAIM dan pegawai Agama Islam yang berperanan memastikan persiapan peserta MTQ dalam tahap tertinggi.

Kata kunci: Model Latihan Tarannum Bersepadu, Kualiti Bacaan Tilawah Al-quran

**BUILDING AN INTEGRATED TARANUM TRAINING MODEL (MLTB) IN IMPROVING THE
READING QUALITY OF MAJLIS TILAWAH
PARTICIPANTS AL-QURAN IN MELAKA**

ABSTRACT

Al-Quran Recitation Council (MTQ) is the best field to produce many quality participants in reciting the Quran. Four main aspects in the quality of reading are taken into account, namely tajwid, fasohah, taranum and vocal art. Taranum is the main measure for participants to achieve the highest score in MTQ. The reading quality of johan Qari and Qariah since 2012 recorded the highest marks of 95.33% and 94.00%. However, in 2018 the marks dropped to 92.09% and 92.05%. Based on the search for past studies, a brief interview with Johan Qariah 2018 and information from agencies related to MTQ, until now there is no Integrated Taranum Training Model (MLTB) implemented either at the state or federal level to provide adequate preparation for the participants. Existing tahsin courses have constraints in terms of cost, time and mentors. The problem affects the preparation and reading quality of the participants. Thus this study found a need to build MLTB to ensure that participants can improve the quality of reading in parallel with MTQ as a high performance event. This study uses a qualitative design by using triangulated data (documents, observations and interviews). Informants consist of MTQ participants, Islamic Religious officials, judges and organizers of MTQ in Malacca as the chosen study location. The results of the interviews are expected to provide information about the MLTB that will be formed together with documents and observations. This study will produce a MLTB model to improve the quality of participants' reading, providing guidance to MAIM and Islamic Religious officials who are responsible for ensuring the preparation of MTQ participants at the highest level.

Keywords: Integrated Taranum Training Model, Recitation Quality Al-quran

PENGENALAN

Pertandingan Tilawah al-Quran pada awalnya telah diasaskan oleh Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj pada tahun 1961. Pertama kalinya ianya telah diadakan bertempat di Stadium Merdeka di Kuala Lumpur pada 9 Mac 1961 yang telah disertai oleh 13 orang peserta dari Negara Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina dan Malaya.

Dahulu, pertandingan Tilawah Al-Quran ini telah dikenali sebagai Majlis Musabaqah al-Quran Peringkat Antarabangsa. Pada tahun 1985, pertandingan Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa ini telah diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra atau lebih dikenali sebagai PWTC. Sebelum pertandingan ini diwujudkan secara rasmi oleh Almarhum Tunku Abdul Rahman, pertandingan ini pernah diadakan lebih awal lagi daripada tarikh rasmi ini, iaitu seawal tahun 1947. Pada masa itu, pertandingan ini dinamakan Pertandingan Membaca al-Quran Se-Malaya yang telah ditubuhkan oleh Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu iaitu dikenali sebagai Pekembar atau UMNO pada 4 September 1947.¹

Pada tahun 1951, Tunku Abdul Rahman mengadakan pertandingan membaca al-Quran di Kedah, yang kemudiannya menjadi aktiviti tradisi yang diadakan di Kedah pada setiap tahun. Selepas negara kita mencapai kemerdekaan, beliau berusaha menganjurkan pertandingan ini di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Langkah pertama yang diambil oleh beliau ialah menganjurkan pertandingan membaca al-Quran antara negeri Kedah dan Johor pada tahun 1959.

¹Jabatan Kemajuan Islam Malaysia 50 Tahun Tilawah Al-Quran Malaysia, (Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2008), hlm. 19.

Sebelum Malaysia mencapai kemerdekaan, aktiviti penganjuran Tilawah Al-Quran dilaksanakan secara tidak formal ini kerana penganjurannya baru saja bermula dan ketika ini masih banyak kekurangan yang tidak ditekankan kerana pertandingan ini dijalankan secara terbuka dalam peringkat negeri. Aktiviti ini juga lebih mementingkan objektif yang ingin dicapai, iaitu sebagai satu usaha menyemai rasa cinta al-Quran dalam kalangan masyarakat tempatan.

Usaha ini kemudiannya disambut baik apabila idea untuk menganjurkannya secara besar-besaran mula dibincangkan di kalangan pemimpin. Walaubagaimanapun, perkembangan yang berlaku tidaklah secara cepat dan mendadak. Dengan berbekalkan semangat yang dibawa oleh YTM Tunku Abdul Rahman Putera al-Haj, iaitu usaha untuk menelekalkan program ini terus dilaksanakan dari tahun ke tahun. Langkah permulaan yang hebat ini menjadi pencetus kepada kuhunya penganjuran Majlis Tilawah al-Quran Antabangsa (MTQA) di Malaysia.

Pada mulanya, maklumat yang membuktikan secara terang mengenai awal peganjuran pada tahun 1940-an kurang jelas ini kerana usaha dan penerapan dalam pendidikan dan acara yang tidak formal oleh tokoh-tokoh terdahulu terhadap masyarakat dalam menguasai taranum dan qiraat dengan baik telah lama dilakukan. Antara sebab tilawah Al-Quran berkembang adalah salah satunya, pada masa dahulu para pedagang arab datang ke tanah melayu untuk menyebarkan agama islam dan para qari dari arab juga telah mengajarkan lagu-lagu Al-Quran di Istana Sultan Kelantan pada masa itu. Perkembangan ini memperlihatkan bermulanya fenomena tadarus al-Quran bermula di Tanah Melayu. Istana-istana kesultanan Melayu memainkan peranan penting dalam perkembangan lagu-lagu al-Quran. "Qari-qari Diraja" atau "Qari-qari Istana"² ini sentiasa memperdengarkan al-Quran bukan sahaja kepada raja-raja, mereka juga berperanan penting dalam acara-acara kemasyarakatan yang turut berkait rapat dengan hal-hal agama Islam seperti majlis khatam al-Quran, tahlil, majlis aqiqah dan tahnid, nikah kahwin, kenduri kesyukuran, serta doa selamat.

Sebelum menjelaki arena antarabangsa, pertandingan ini telah bermula sebelum Tanah Melayu mencapai kemerdekaan lagi yang mana bermulanya di peringkat negeri dan kemudiannya diikuti dengan peringkat kebangsaan. Ketika itu juga, para peserta hanya terdiri daripada kaum lelaki sahaja. Pada malam penutupnya, penyampaian hadiah disempurnakan oleh Sultan dalam majlis jamuan teh di Istana Besar Johor pada 5 September 1947. Johan yang memenangi pertandingan ini terdiri daripada tiga orang peserta iaitu Encik Abdul Rahman dari Pulau Pinang, Tuan Haji Mahyudin dari Perak, dan Encik Hassan Bin Azhari dari Selangor.³

Pada 1951 pula, Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman telah mengusahakan penganjuran pertandingan membaca al-Quran di Kedah sehingga pertandingan ini telah menjadi suatu tradisi yang diadakan di Kedah pada setiap kali datangnya bulan Ramadan. Selepas beliau menjadi Perdana Menteri pada 1957, beliau merancang usaha untuk menganjurkan Majlis Tilawah al-Quran dengan menyatukan kesemua negeri di Persekutuan Tanah Melayu. Selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan dan Y.T.M Tunku Abd Rahman Putera al-Haj menjadi Perdana Menteri pada tahun 1957, beliau merancang untuk membawa pertandingan Membaca al-Quran ini ke peringkat yang lebih baik dan lebih tinggi. Di dalam buku „50 Tahun Tilawah al-Quran“ ada menerangkan langkah awal yang diambil oleh beliau ialah menganjurkan pertandingan membaca al-Quran antara negeri Kedah dan Johor pada bulan Ramadhan 1378H bersamaan tahun Masihi 1959.⁴

Setelah negara kita mencapai kemerdekaan, Allahyarham Y.T.M Tunku Abdul Rahman telah mengusahakan lagi untuk mengangkat pertandingan ini ke peringkat yang lebih tinggi iaitu peringkat

²Mohd Ali Bin Abu Bakar, Seni Lagu Al-Quran di Malaysia, (Kuala Lumpur: Darulfikir, 1991), hlm. 69.

³Tan Sri Haji Hassan Bin Haji Azhari (Juri dan Hakim Pertandingan Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa) dalam temubual dengan penulis, 4 Julai 2011.

⁴Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 50 Tahun Tilawah Al-Quran Malaysia, (Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2008), hlm. 20.

kebangsaan dan antarabangsa.Buat pertama kalinya Y.T.M Tunku Abdul Rahman telah menganjurkan Pertandingan Membaca al-Quran antara Kedah dan Johor pada 1959.

Pada tahun selepas itu, Pertandingan membaca al-Quran Peringkat Antarabangsa pula diadakan iaitu pada 1961.Pertandingan di peringkat antarabangsa ini dijalankan serentak dengan pertandingan di peringkat kebangsaan di Stadium Merdeka pada bulan Ramadhan. Malahan pada 9 Mac 1961 pula, Musabaqah Membaca al-Quran Peringkat Antarabangsa dimulakan dengan penyertaan dari tujuh negara iaitu Singapura, Thailand, Brunei, Sarawak, Malaya, Indonesia dan Filipina. Seramai 13 peserta mengambil bahagian. Pada tahun 1963 menunjukkan pertambahan peserta dari negara India

Seterusnya pada tahun 1964⁵ pula, peserta qariah buat pertama kalinya telah dibenarkan mengambil bahagian. Seramai empat peserta qariah dari Brunei, Filipina, Kemboja dan Thailand telah datang bertanding dalam tilawah al-Quran ini . Pada tahun 1969, johan qari peringkat antarabangsa iaitu Ismail Bin Hashim mula mendapat perhatian meluas setelah 5 kali mewakili Malaysia dan 3 kali menjadi johan qari di peringkat Antarabangsa. Beliau telah diarak dan disaksikan oleh 30 000 orang yang menyambut kepulangan beliau dari Kuala Lumpur.Jelas di sini kehebatan johan qari MTQA Ismail Hashim telah memberi kesan dan inspirasi kepada para qari dan masyarakat dalam memperbaiki bacaan al-Quran mereka.Secara tidak langsung penganjuran MTQA mula mendapat tempat di hati masyarakat pada zaman 1960-an.

Seterusnya pada tahun 1978 pula, negara Mesir buat pertama kalinya menghantar peserta ke pertandingan ini.Dengan penyertaan peserta dari Mesir, beberapa negara yang sebelum ini tidak mengambil bahagian untuk beberapa tahun seperti Turki sudah mula menghantar kembali peserta ke pertandingan ini. Ini menjadikan jumlah penyertaan meningkat daripada 17 buah negara pada tahun 1977 menjadi 25 buah negara pada tahun 1978.

Pada awal pertandingan iaitu seawal tahun 1961, pertandingan Membaca al- Quran Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa diadakan secara serentak di Stadium Merdeka.Sehingga pada 1981, pertandingan Membaca al-Quran Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa ini diadakan secara berasingan. Pertandingan Membaca al-Quran Peringkat Kebangsaan dijalankan di luar Kuala Lumpur dan diadakan di negeri yang dipilih menjadi tuan rumah secara bergilir-gilir pada setiap tahun.

Manakala Musabaqah Membaca al-Quran Peringkat Antarabangsa masih kekal di Stadium Merdeka.Malah pada tahun 1981 juga, majlis itu diadakan di luar bulan Ramadan. Menjelang tahun 1985, Pertandingan Membaca al-Quran telah ditukar namanya menjadi Pertandingan Tilawah al-Quran, lokasi bagi Peringkat Antarabangsa juga turut berpindah ke Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di Kuala Lumpur.

Seterusnya, pada tahun 1990-an pula, pelaksanaan penganjuran MTQA semakin tersusun apabila pertandingan ini sudah mencapai 30 tahun dilaksanakan. Maka penganjuran ini dilihat semakin matang. Pada tahun 1994 pula, beberapa negara baru menyertai MTQA iaitu Bosnia, Sudan, Sarandon dan Tunisia. Wakil daripada negara China juga hadir ke MTQA sebagai pemerhati.

Seterusnya pada tahun 2006, sebuah rancangan realiti berteraskan tilawah al-Quran telah dilaksanakan bagi mencari alternatif baru buat golongan muda dan menggantikan rancangan realiti berunsur hiburan yang melalaikan.Rancangan terbitan TV9 ini telah memecah tradisi dan mencetuskan fenomena baru dalam bidang tilawah al- Quran yang selama ini perhatiannya hanya difokuskan kepada Pertandingan Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa. Program ini dinamakan Akademi al-Quran. Malah Ianya telah mendapat sambutan yang hangat daripada semua pihak. Kini, para pemenang yang menjuarai pertandingan ini juga turut mendapat pengiktirafan dunia kerana jemaah hakim ini bukan sahaja

⁵Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Johan qari dan qariah majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa Malaysia 1380H/1961M-1428H/2007M =Champions of qaris and qariahs Recital Assembly at international Level Malaysia = [Al-fā'izūn wal fā'izāt fī al-'ihtifāl al-dawlī bi tilāwati al- Qurān al-Karīm bi Ma'lūziya], (Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2008), hlm. 10.^[1]

dihakimi oleh hakim dari Malaysia, malah jemaah hakim juga terdiri daripada pakar seni qiraat dan taranum dari luar negara. Maka tidak ada sebarang keraguan mengenai siapa yang menjadi johan di dalam pertandingan ini kerana ianya dipersetujui oleh para hakim tempatan dan juga luar negara.

Sistem pertandingan akhirnya bertukar di mana para peserta yang pernah menjadi johan MTQA sebanyak dua kali tidak lagi dibenarkan untuk menyertai pertandingan ini⁶. Sebelum ini terdapat beberapa qari dan qariah yang menjuarai MTQA lebih daripada lima kali dan mereka masih lagi dibenarkan menyertai MTQA pada waktu tersebut.

Dengan adanya pertandingan ini tahun demi tahun, terdapat beberapa perubahan yang dilakukan untuk melestarikan semula pertandingan ini. Antaranya ialah imbuhan khas sepanjang hayat RM 2000 sebulan yang diberikan kepada johan qari dan qariah bermula pada tahun 2010⁷, nilai hadiah wang tunai kepada johan qari dan qariah sebanyak AS\$ 4000 (RM 13000) dinaikkan kepada AS\$ 10000 (RM 32500)⁸, serta peserta yang pernah menjadi johan pertandingan ini sebanyak dua kali, tidak lagi dibenarkan memasuki pertandingan ini.

Selain itu, sistem pertandingan juga berubah, mulai tahun 2011, para peserta tidak lagi diberi bacaan surah tertentu untuk dibacakan di hadapan penonton. Sebaliknya, para juri akan memilih atau sistem pengundian dilakukan untuk menentukan bacaan surah yang mana harus diberikan kepada para peserta.

Seterusnya, pada tahun 2014, pihak telah menambah satu lagi kategori dalam MTQA iaitu Majlis Menghafaz al-Quran Peringkat Antarabangsa. Johan bagi hafiz, hafizah, qari dan qariah akan menerima jongkong emas bernilai RM 70 000 iaitu sumbangan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia, pila iringan serta wang tunai RM 40 000. Pada tahun ini juga, Malaysia telah mengungguli kesemua kategori yang dipertandingkan.

Sejarah pertama kali Melaka ke pertandingan peringkat kebangsaan diadakan tahun 1960 pada 20 Ramadan yang mana memang semua negeri yang terlibat dalam pertandingan tersebut dan Melaka adalah termasuk sekali iaitu pada 18 mac 1960. Negeri Melaka telah menghantar dua orang Qari dan satu orang Qariah. Antara matlamat majlis islam negeri Melaka dalam menyertai majlis tilawah Al-Quran peringkat kebangsaan dan antarabangsa adalah untuk mewujudkan silaturrahim, maksudnya antara negeri dan Negara. Jika di peringkat kebangsaan, negeri-negeri yang 14 ini untuk menegakkan syiar Islam dan silaturrahim iaitu kita berkongsi ilmu, lepas itu kita akan berjumpa dan menegakkan mutu bacaan masing-masing. Antara tempat yang sering digunakan untuk majlis tilawah negeri adalah di masjid negeri, tetapi faktor pemilihan tempat dipilih mengikut keadaaan dan suasana. Antara latihan yang dibuat oleh negeri Melaka untuk mendapat Qari dan Qariah yang cemerlang adalah dengan cara melakukan program dekat radio Melaka fm iaitu ‘Jom Bertaranum’ Ustaz Azrae sendiri yang menyampaikan. Ini bertujuan untuk menggalakkan masyarakat untuk bertaranum. Akhir sekali, antara persediaan di negeri Melaka untuk menghantar Qari dan Qariah ke peringkat kebangsaan dan antarabangsa adalah Kalau untuk peringkat kebangsaan, peserta itu pihak dengeri Melaka akan uruskan 100% kebijakan, dan latihan yang diberikan adalah bawah JAIM dengan MAIM. Selain itu para qari dan qariah akan diberi seorang guru untuk mendengar dan membimbing para peserta bertaranum.

⁶50 Tahun Tilawah Al-Quran Malaysia, op.cit, hlm. 26

⁷ Mohd Radzi Mohd Zain, Imbuhan Khas Iktiraf Pembaca al-Quran Langkah Tepat, Utusan Malaysia, 5 Mac 2010.

⁸Saifulizam, Hadiyah Johan Tilawah Kini RM 32500, Utusan Malaysia, 28 Julai 2010.

PERMASALAHAN KAJIAN


Secara khusus terdapat tiga pernyataan masalah terhadap keperluan membina MLTB iaitu:

1. Pencapaian Markah Qari Qariah Tiada Peningkatan.

Berdasarkan laporan pemarkahan MTQA bagi tahun 2012 hingga 2018 menunjukkan markah bagi kategori Johan Qari dan Qariah mengalami kenaikan dan penurunan. (Portal Rasmi Majlis Tilawah al-Quran Malaysia, 2018).

Jadual: Pemarkahan Qari dan Qariah MTQA dari tahun 2012 hingga 2018.

Tahun	Qari		Qariah	
	Negara	Markah%	Negara	Markah%
2012	Malaysia	95.33	Maghribi	94.00
2013	Indonesia	93.26	Maghribi	91.27
2014	Malaysia	93.30	Malaysia	90.67
2015	Iran	91.75	Indonesia	91.55
2016	Malaysia	94.08	Malaysia	91.00
2017	Iran	89.96	Malaysia	91.52
2018	Malaysia	92.09	Malaysia	92.05
Purata		92.82		91.72



Sumber: Jakim, Portal MTQ, Sinar Harian, Utusan Online, tahun 2012 hingga 2018

Perbandingan markah Qari bagi tahun 2012 paling tinggi (95.33%) berbanding pada tahun 2018 (92.09%). Begitu juga bagi Qariah mencatat markah tertinggi pada tahun 2012 (94.00%) berbanding 2018 (92.05%). Purata bagi 6 tahun juga mencatat 92.82% dan 91.72% bagi Qari dan Qariah

Ini menunjukkan kualiti bacaan peserta tidak membuktikan peningkatan sepanjang tahun dan perlu dipertingkatkan dengan kaedah latihan yang lebih baik. Latihan yang efektif juga perlu mengambil kira format peraturan pengajuran MTQ yang sentiasa dikemaskini bagi meningkatkan kualiti bacaan (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2016).

Kajian Siti Norfariza Mohd Tawel (2008) menyenaraikan faktor-faktor rendahnya tahap kualiti bacaan peserta iaitu:

- a) Ada sesetengah peserta yang datang dari negara Islam minoriti
- b) Tujuan penyertaan yang tidak jelas dan bersungguh-sungguh
- c) Penguasaan bidang taranum yang memerlukan tempoh masa yang panjang
- d) Kesukaran dan halangan untuk mempelajari bidang taranum

Antara cabaran-cabaran utama yang penulis dapat menjadi penghalang kepada kemajuan MTQA ini ialah kualiti bacaan yang kurang memuaskan. Memerlukan latihan bacaan pembentukan suara dalam tempoh masa yang lama. Salah satu cabaran yang dihadapi oleh JAKIM iaitu usaha mempertingkatkan mutu dan tahap bacaan setiap peserta agar mereka mempunyai semangat berdaya saing dan memiliki kemahiran yang diiktiraf sebelum mereka menyertai MTQA. Adalah penting untuk dianalisis punca kepada masalah ini agar segala masalah yang berkaitan dapat diselesaikan hingga ke akar umbi (Siti Norfariza Mohd Tawel, 2008).

Selain itu masalah kualiti taranum juga menjadi punca kepada pemarkahan peserta. Menurut Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama negeri, Datuk Omar Musa (2015) Ilmu taranum ini memerlukan latihan dan nafas yang panjang. Sebenarnya dalam tilawah, ada banyak taranum atau lagu dan kebiasaannya ada empat lagu dan ada lagu wajib. Kalau tak sampai empat lagu atau lagu wajib tidak dibawa, automatik akan kalah kerana satu lagu saja sudah banyak markah yang dipotong (Sinar Harian Online, 2015). Begitu jua dalam aspek undian ayat dan giliran bacaan peserta, ia ditentukan pada setiap pagi bagi memastikan peserta tidak begitu obses dengan hanya ayat dan kaedah bacaan tertentu. Begitu juga dengan kaedah tahnin bacaan dan saringan yang diadakan khusus kepada para peserta (Dato' Othman Mustapha Ketua Pengarah Jakim 2015, Utusan Online).


2. Tiada Model Latihan Tarannum Bersepadan Dilaksanakan.

Merujuk kepada maklumat model latihan hanya 1 (14%) daripada 7 institusi yang memberi latihan secara khusus kepada peserta tilawah. Majoriti (86%) institusi menawarkan latihan bukan dikhatususkan kepada peserta tetapi secara terbuka atas permintaan orang awam.

Jadual 1: Penawaran kursus dari pelbagai agensi berkaitan Tahsin al-Quran

Bil	Institusi	Nama kursus	Objektif	Terbuka	Khusus
1	Jakim	Kursus Tahsin Qiraah (Ulum Al- Quran)	1. Memberi pengetahuan mengenai asas-asas ilmu perkembangan al-Quran 2. Memberi pendedahan tentang sejarah perjalanan al-Quran 3. Memberi pengetahuan mengenai asas-asas ilmu tajwid	✓	
2	Jakim, IPAQ	Kursus Tahsin Al-Quran Peringkat Kebangsaan	1. Menyediakan platform pemantapan pembacaan kalangan Qurra' yang berhasrat untuk mempersiapkan diri bagi menyertai tilawah-tilawah al-Quran di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan		✓
3	IPAQ	Kursus Pengajian Al-Quran Cara Pantas (KPPQ), Program Abahata, Kursus Pengajian al-Quran cara Pantas (KPQP), Program Tarannum, Program Tadabbur, Program Tahsin, Program Terjemahan al-Quran, Program Hukum-hukum Tajwid dan <u>Program Surah al-Fatihah</u>	1. Menyediakan satu program pembelajaran asas al-Quran yang paling efektif dan berkesan. 2. Menyediakan program pembelajaran al-Quran secara bertalaqqi untuk membimbing para pelajar bermula asas huruf hijaiyah, asas tajwid dan asas penulisan. 3. Menyediakan program al-Quran yang lengkap dengan Kaedah Taufiqi (huraian nama-nama hukum tajwid)	✓	
4	JAIM	Kursus Tahsin wal-qiraat	1. Melatih saudara baru dalam bacaan al-Quran 2. Memberi galakan mengenai hukum yang diamalkan	✓	
5	Darul Quran	Sijil Tarannum Malaysia	1. Terbuka kepada masyarakat awam. Keutamaan diberikan kepada qari dan qariah yang pernah mewakili daerah dalam Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Negeri 2. Peserta akan mempelajari tentang tarannum al-Quran selama 2 bulan di samping subjek-subjek yang lain seperti Tarannum, Tajwid dan Asas Ilmu Qiraat.	✓	
6	KUISCELL	Kursus Tarannum (Al-Quran Berlagu)	1. Untuk meningkatkan kualiti bacaan al-Quran terutamanya dari aspek lagu tarannum. 2. Memahami tentang bacaan al-Quran yang mutawatir seperti Warsy, Qalun, Ibnu Kathir, al-Duriy dan Hamzah. 3. Menghidupkan sunnah Rasulullah S.A.W dalam pembacaan al-Quran secara tarannum. 4. Membentuk jati diri muslim yang sejati dan memberi ketenangan jiwa serta menjadikan bacaan al-Quran sebagai satu amalan dalam kehidupan sehari-hari.	✓	
7	KIAS	Kursus Ilmu Qiraat dan Tarannum	1. Menambah pengetahuan tentang ilmu yang berkaitan dengan Al-Quran seperti ilmu Qiraat dan Tarannum. 2. Memahami tentang bacaan al-Quran yang mutawatir seperti Warsy, Qalun, Ibnu Kathir, al-Duriy dan Hamzah. 3. Menghidupkan sunnah Rasulullah S.A.W dalam pembacaan al-Quran secara tarannum.	✓	
JUMLAH				6	1

Rajah: Carta perbezaan bentuk penawaran latihan/kursus mengikut agensi masa kini



Kekurangan model latihan bersepadu khusus kepada peserta tilawah memberi implikasi terhadap kualiti bacaan yang diberi perhatian dalam MTQ.

3. Isu Ketidakseragaman Kandungan, Masa Latihan Terbatas Dan Limitasi Kos Kewangan Peserta

Berdasarkan temu bual Johan Qariah MTQA 2018 Ustazah Suhaila Zulkifly terdapat permasalahan dari isu ketidakseragaman kandungan latihan. Menurut beliau walaupun seseorang peserta telah menyertai pelbagai peringkat pertandingan namun aspek kualiti bacaan secara kolektif tidak diberi penekanan seimbang. Ini disebabkan dengan anggapan bahawa aspek tajwid tidak lagi perlu diberi latihan peserta yang sudah bertaraf kebangsaan dan antarabangsa. Keadaan tersebut adalah berpunca darikekangan masa latihan yang sudah terlalu hampir dengan jadual pertandingan, kekurangan guru pembimbing dan tempoh latihan yang singkat. Kos kewangan juga menjadi faktor yang perlu diberi perhatian supaya peserta tidak terasa bebanan dengan kos perjalanan ke tempat latihan. Beliau menjelaskan isu-isu tersebut sedikit sebanyak akan memberi implikasi kepada peserta dalam meningkatkan kualiti bacaan (Suhaila Zulkifly 2018).

PERSOALAN KAJIAN

1. Apakah bentuk model-model latihan yang dipraktikkan dalam meningkatkan kualiti bacaan peserta tilawah al-Quran di Malaysia?
2. Bagaimanakah isi kandungan yang digunakan dalam model latihan kepada peserta tilawah al-Quran?
3. Bagaimanakah Model Latihan Taranum Bersepadu (MLTB) bagi meningkatkan kualiti bacaan peserta tilawah al-Quran di Melaka.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenal pasti model-model latihan yang dipraktikkan dalam meningkatkan kualiti bacaan peserta tilawah al-Quran di Malaysia.
2. Menganalisis isi kandungan yang digunakan dalam model latihan kepada peserta tilawah al-Quran.
3. Mencadangkan Model Latihan Taranum Bersepadu (MLTB) bagi meningkatkan kualiti bacaan peserta tilawah al-Quran di Melaka.

HIPOTESIS KAJIAN

Model Latihan Tarannum Bersepadu Meningkatkan Kualiti Bacaan Peserta Tilawah

SOROTAN KAJIAN LEPAS

Kajian mengenai modul latihan tidak banyak dilakukan berbanding dengan kajian kaedah pengajaran tilawah menerusi kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (P&P). Kajian yang khusus mengenai MTQ tertumpu pada keperluan untuk meningkatkan format pertandingan dan pemberian hadiah setimpal dengan prestij acara sebagai dorongan kepada peserta. Selain itu kajian lepas yang merujuk kepada MTQ juga memfokuskan kepada sejarah pertandingan MTQ yang dapat memberi impak kualiti bacaan dan

mencadangkan supaya kualiti pertandingan ini juga perlu diperbaiki (Abdullah Yusof & Siti Norfariza Mohd Tawel, 2013; Siti Norfariza Mohd Tawel, 2008).

Selain dari dua kajian tersebut kajian-kajian lepas yang merujuk kepada ilmu tarannum, kursus tahsin, pendekatan P&P dalam pengajaran al-Quran, kelemahan tajwid dan kaedah penyampaian diberi penekanan pengkaji (Farah Ihyani Zakaria & Mohd Aderi Che Noh, 2011; Muhammad Kabiru Nasallah, 2016; Najmiah Omar & Zulkifli@Md. Yaakub Mohd Yusuf, 2016; Ruhayati Ramly et al., 2014; Saidah Haris @ Harith et al., 2015; Sharifah Norshah Bani Syed Bidin et al., 2018; Surul Shahbudin Hassan & Muhammad Azhar Zailaini, 2013; Zainora Daud et al., 2012).

Jadual: Kajian-kajian lepas mengikut domain utama

BB	Tahun	Nama	Tajuk	Cadangan	Model	Kualiti bacaan	Sistem	Guru	Pihak terlibat
1	2008	Siti Norfariza Mohd Tawel	Pengajaran Pertandingan Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa Di Malaysia: Kajian Sejarah Dan Perkenyamanan	i) perlu mengikuti format pertandingan ii) tingkatkan hadiah	Tidak	Kurang menarik	Tidak pernah pertandingan	Kurang antarpelajar	Kerajaan dan swasta
2	2011	Farah Ihyani Zakaria & Mohd Aderi Che Noh	Pelaksanaan Klasar Kemahiran Al-Quran di Malaysia	i) siap darmauan pelajar terhadap Tarannum bagi ii) analisis pembelajaran Tarannum belum memuaskan	Berasaskan P&P	Bergantung pada P&P	P&P berpusat kepada guru	Makalah pelajar	Sekolah
3	2012	Zainora Daud et al.	Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Pengajaran Quran Di Jiliduan Al-Quran Dan Al-Qiriat, Kitab Satu Terjemah Aseal	i) kaedah pengajaran Quran berjengking pada P&P berkaitan ii) penggunaan bukti dalam mengajar bacaan naskah	Berasaskan P&P	Bergantung pada P&P	P&P berpusat kepada guru	Makalah pelajar	Kolej
4	2013	Surul Shahbudin Hassan & Muhammad Azhar Zailaini	Analysis of Tajweed Errors in Quranic Recitation	i) aspek praktikal pengendalian terhadap pedagogy diketahui ii) kesalahan utama tajwid sering dilakukan	Berasaskan P&P	Bergantung pada P&P	P&P berpusat kepada guru	Makalah pelajar	Universiti
5	2013	Abdullah Yusof & Siti Norfariza Mohd Tawel	Pengajaran Tilawah Al-Quran Peringkat Kelonggaran: Sejarah dan Pendekatannya	i) sejurus peringkiran MTQ memperbaiki kualiti bacaan ii) kualiti peringkiran ini juga perlu dipelihara	Tidak	Perlu diperbaiki	Perlu diterangkan dengan cermat	Setuju dengan tujuan pertandingan	Kerajaan dan swasta
6	2014	Ruhayati Ramly et al.	Pengaruh Bacaan Hanafiah Wardi Menggunakan Kaedah Badak	i) makalah yang baik tetapi pengajaran tilawah Al-Quran tetapi masih kurang mahir dalam bacaan Hanafiah Wardi sama ada teknik 'badak' ataupun wardi ii) kaedah pengajaran membentuk kewaspadaan kritis bacaan	Berasaskan P&P	Bergantung pada P&P	P&P berpusat kepada guru	Makalah pelajar	Universiti
7	2015	Saidah Haris @ Harith et al.	Ilmu Tarannum Al-Quran: Sejarah dan Perspektif	i) Kandungan tarannum Al-Quran merupakan matlamat yang wajib dipelihara ii) amanah kajian sejurus tarannum dilakukan oleh para pemula muslim sejasa	Sejarah	Bergantung pada pengalaman diri	Ong yang mendalam tarannum	Tidak berikutkan	Universiti
8	2016	Najmiah Omar & Zulkifli@Md. Yaakub Mohd Yusuf	Perkembangan Pengajaran Tarannum Al-Quran Di Terengganu Pada Zaman Pra-Merdeka sehingga Tahun 2014	i) faktor-faktor yang mem sinkronkan peranan penting dalam pengajaran dan tarannum adalah pedagang Arab, institusi pemimpinan, pelajar-pelajar dari Terengganu, perancangan guru-guru terannum dan kelembagaan masyarakat dalam mempelajari ilmu tarannum. ii) sumbang-sumbangan pedagang-pedagang Arab dalam mengajar Al-Quran kepada masyarakat setempat	Sejarah	Bergantung pada guru	Tradisional	Tidak berikutkan	Negeri
9	2016	Muhammad Kohim Nasirah	The Importance Of Tajweed In The Recitation Of The Glorious Quran Emphasizing Its Uniqueness As A Channel Of Communication Between Creator And Creation	i) Kepentingan Tajwid Sebagai Saluran Komunikasi Antara Penulis Dan Pemimpin ii) menggunakan tajwid adalah instrumen wajib terhadap setiap salih seorang dan kita sepatutnya kita membaca Al-Quran	Sejarah	Bergantung pada guru	Tradisional	Tidak berikutkan	Indonesia
10	2018	Sharifah Norshah Bani Syed Bidin et al.	Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Al-Quran: Kajian Di Masjid Umsza	i) logik i.e adah pengajaran tertulis secara telak dan mudah dibaca dan diterannum sehingga ke benar ii) pendekatan yang dikenali dan dianugerahkan adalah dengan tujuan yang sama iaitu untuk melahirkan sikap dan kiat membaca Al-Quran	Berasaskan P&P	Bergantung pada P&P	P&P berpusat kepada guru	Makalah pelajar	Universiti

Sumber: Pelbagai artikel jurnal dari tahun 2008 hingga 2018

1. Tarannum meningkatkan kualiti sebutan lajhah Arab.

Tarannum merupakan sebahagian daripada bentuk penguasaan kualiti bacaan al-Quran. Menurut Najmiah Omar & Zulkifli (2016) para qari dan qariah mengembangkan ilmu seni al-Quran di Nusantara. Bentuk penyampaian mereka ialah memperbetulkan sebutan lajhah Arab dan memperdengarkan al-Quran dalam majlis khatam al-Quran, kenduri perkahwinan, perayaan dan pengajian al- Quran. Kajian Perkembangan Pengajian Tarannum Al-Quran Di Terengganu Pada Zaman Pra-Merdeka Sehingga Tahun 2014 oleh Najmiah & Zulkifli (2016). Kajian ini menjelaskan bahawa setiap tradisi ilmu bermula dengan sejarah. Begitu juga dengan pengajian tarannum al-Quran. Berdasarkan pengamatan bahan dokumentasi sejarah, didapati belum ada kajian khusus tentang perkembangan pengajian tarannum al-Quran di Terengganu. Kajian mendapati bahawa antara faktor-faktor yang memainkan peranan penting dalam penyebaran ilmu tarannum adalah pedagang Arab, institusi pemerintah, pelajar-pelajar dari Timur Tengah, peranan guru-guru tarannum dan kesungguhan masyarakat dalam mempelajari ilmu tarannum (Najmiah Omar & Zulkifli@Md. Yaakub Mohd Yusuf, 2016)

Merujuk kepada aspek kesenian bacaan al-Quran telah dikaji oleh Saidah et.al (2015). Terdapat tujuh maqam utama iaitu *Bayati, Nahawand, Hijaz, Shaba, Rast, Jiharkah* dan *Sikah*. Maqam-maqam tersebut diperlakukan oleh sebahagian besar qari dan qariah dalam Musabaqah Tilawah Al-Quran sama ada di Malaysia, Indonesia mahupun negara-negara Asia. Keseragaman maqam menghasilkan keunikan seni dalam alunan bacaan al-Quran. Bagi meningkatkan kemahiran suara dengan maqamat-maqamat tersebut, segelintir qari berpendapat bahawa penggunaan *tausyikh* atau *muwasyahat* harus diaplikasi ke dalam rangkai kata *shi'ir* yang kemudianya disesuaikan mengikut *maqamat 'Arabiyyah*. Tujuan utama *tausyikh* digunakan adalah bertujuan meningkatkan tahap kefahaman bentuk dan air lagu pada setiap maqamat kerana sifat *tausyikh* yang tidak terikat kepada hukum tajwid (Saidah Haris @ Harith et al., 2015).

2. Kaedah P&P dalam pengajian Qiraat

Kajian lain berhubung dengan kaedah P&P dalam pengajian Qiraat yang dilaksanakan di JTQQ KUIS. Dapatkan kajian menunjukkan kaedah pengajaran dan pembelajaran Qiraat yang diaplikasi di dalam kelas berada pada tahap yang tinggi iaitu memuaskan di dalam item kaedah hafazan, kaedah tasmik, kaedah talaqqi dan musyafahah, kaedah membaca wajah-wajah Qiraat beserta contoh-contohnya, membuat rajah dan peta minda, menyalin nota, menggunakan buku teks dan buku rujukan, memberi motivasi dan menarik minat pelajar, kecuali pada item penggunaan kaset dan VCD. Lantaran itu, penambahbaikan terhadap aspek penggunaan alat bantu mengajar yang lebih moden seperti penggunaan komputer, bahan multimedia, internet dan sebagainya wajar dilakukan agar dapat menarik perhatian dan minat para pelajar serta meningkatkan tahap pemahaman dan penguasaan para pelajar di dalam bidang pengajian Qiraat. Kesimpulannya, kaedah pengajaran yang efektif dan bersesuaian mampu mewujudkan suasana pembelajaran yang memberi kesan positif terhadap pemahaman dan penguasaan para pelajar (Zainora Daud et al., 2012)

3. Penguasaan bacaan tertentu (*Hamzah wasal*).

Artikel ini merupakan sebahagian daripada kajian tindakan tentang masalah penguasaan bacaan *Hamzah Wasal* dalam tilawah al-Quran yang merupakan sebahagian daripada tajuk dalam kursus Pendidikan al-Quran Sekolah Rendah (PIM 3103). Kursus ini ditawarkan kepada pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) di Institut Pendidikan Guru. Kajian dijalankan bertujuan untuk meningkatkan keupayaan pelajar menguasai bacaan Hamzah Wasal ketika membaca al-Quran menggunakan kaedah BAFKAD. Perbezaan skor pelajar menunjukkan keberkesanan kaedah BAFKAD adalah signifikan dalam meningkatkan penguasaan mereka terhadap bacaan tersebut. pelajar mampu membariskan Hamzah Wasal

dengan tepat apabila mereka memulakan bacaan (*ibtida'*) pada perkataan yang mempunyai *hamzah wasal*. Kaedah ini telah memantapkan lagi penguasaan tilawah al-Quran dalam kalangan pelajar seterusnya mampu melengkapkan diri mereka untuk mengelola sesi pengajaran dan pembelajaran Asuhan Tilawah al-Quran dengan betul, yakin dan berkesan (Ruhayati Ramly et al., 2014).

4. Pelbagai jenis kesalahan tajwid.

Kesalahan tajwid merupakan kesalahan yang perlu diatasi dalam bacaan. Surul Shahbudin Hassan & Muhammad Azhar Zailaini (2013) menjalankan kajian untuk mengenal pasti pelbagai jenis kesalahan tajwid yang dibuat oleh pelajar semasa bacaan Al-Quran. Kajian ini dijalankan ke atas 20 orang pelajar yang mengambil kursus peringkat 2 Tilawah Al-Quran sebagai sebahagian daripada program ijazah pertama mereka di UIAM. Analisis kesilapan dilakukan pada rakaman bacaan responden dengan menggunakan instrumen komprehensif untuk mengenal pasti jenis dan kategori kesalahan yang diterima. Hanya ralat yang berlaku sekurang-kurangnya 1% peratus masa diambil kira dalam analisis ini. Akibatnya, terdapat enam kesilapan asas telah dijumpai. Diharapkan kajian ini akan membuka jalan bagi kaedah yang lebih berkesan untuk mengajar subjek Pembacaan Al-Quran yang terus memberi tumpuan kepada aspek praktikal pengetahuan tajwid. Dari analisis kesilapan dalam pembacaan, dapat disimpulkan bahawa keupayaan para siswa untuk melaksanakan aturan tajwid biasanya sangat rendah. Walaupun mereka dapat membaca, mereka melakukan banyak kesilapan dalam bacaan. Jumlah kesilapan daripada 20 responden adalah tinggi, dengan jumlah kesilapan sebanyak 1662. Ini bermakna bahawa purata setiap pelajar membuat 83 kesilapan semasa pembacaan mereka. Sejumlah 29% kesilapan tersebut merupakan kegagalan untuk melafazkan huruf dengan betul (mengikut titik artikulasi dan ciri masing-masing). Satu lagi 23% adalah kesilapan dalam melaksanakan peraturan tarqiq wa tafkhim (tebal dan tipis) dan 23% juga dalam melaksanakan peraturan Ghunnat (nasalisasi atau tanpa nasalisasi). Kesilapan memanjangkan akaun untuk 14% daripada kesilapan bacaan. Kesalahan dalam menyatakan huruf dan tanda-tanda vokal dengan betul membentuk 8% daripada jumlah kesilapan, dan kesilapan waqf wa ibtida 'berhenti dan memulakan semula bacaan mewakili 3% daripada kesilapan tajuk dalam pembacaan. (Surul Shahbudin Hassan & Muhammad Azhar Zailaini, 2013).

5. Kaedah penguasaan tajwid

Kajian bertajuk "Kepentingan Tajweed Dalam Pembacaan Al-Qur'an Yang Mulia: Menekankan Keunikannya Sebagai Saluran Komunikasi Antara Pencipta Dan Penciptaan diuraikan oleh Muhammad Kabiru Nasallah (2016). Beliau menjelaskan dengan mendengarkan al-Quran yang dibacakan dengan betul adalah cukup untuk melembutkan walaupun yang paling sukar hati dan umat Islam dan bukan Islam juga mengalami pengalaman yang sangat bergerak walaupun mereka tidak memahami apa yang dikatakan. Kami merasakan ini lebih banyak lagi dalam Ramadan apabila kita berada di dalam solat Terawih dan kita dapat merasakan perbezaannya jika kita pergi ke sebuah masjid di mana peraturan tajwid Quran suatu pembacaan tidak dipatuhi sebagaimana mestinya. Tiap-tiap seorang Muslim harus membaca Qur'an dalam solat tetapi ramai di antara kita tidak menyedari bahawa membaca Al-Qur'an dengan betul, memerhatikan kaedah-kaedah pembacaan bukan sains lanjutan untuk para penafsir pakar saja, melainkan ia adalah satu kewajipan terhadap setiap salah seorang dari kita apabila kita membaca Al-Quran (Muhammad Kabiru Nasallah, 2016).

6. Meningkatkan kualiti bacaan berdasarkan kaedah *talaqqi* dan *musyafahah*

Kualiti bacaan bergantung pada kaedah P&P telah dijalankan oleh Farah Ihyani Zakaria & Mohd Aderi Che Noh, (2011) dan Sharifah Norshah Bani Syed Bidin et al., (2018). Kajian mendapati bahawa legasi kaedah pengajaran tertua secara *talaqqi* dan *musyafahah* ini diteruskan sehingga ke hari ini, namun dalam acuan yang berbeza. Setiap pendekatan yang diperkenal dan diamalkan adalah dengan tujuan yang sama iaitu melatih kemahiran dan kebolehan membaca al-Quran dengan cara mudah dan pantas tetapi masih meraikan hukum-hukum tajwid sebagaimana yang diajar oleh Baginda Rasulullah SAW (Sharifah Norshah Bani Syed Bidin et al., 2018).

Begitu juga kaedah penyampaian boleh meningkatkan kualiti. Meskipun begitu, kebanyakan pelajar tidak memenuhi ciri-ciri pembacaan al-Quran yang baik sama ada dari sudut fasohah iaitu kelancaran menyebut huruf-huruf al-Quran, kemahiran bertajwid apatah lagi melagukan al-Quran dengan suara yang baik. Bahkan ada yang langsung buta al-Quran. Hasil ujian deskriptif menunjukkan sikap dan minat pelajar yang tinggi terhadap pembelajaran KKQ walaupun dari aspek pengajaran guru menunjukkan min yang sederhana. Implikasi kajian ialah guru KKQ perlu sentiasa mempertingkatkan kemahiran pengajaran dengan menggunakan kepelbagaiannya kemahiran dan alat bantu mengajar (Farah Ihyani Zakaria & Mohd Aderi Che Noh, 2011). Justeru kajian untuk membina Model Latihan Tarannum Bersepadu dalam meningkatkan kualiti bacaan peserta tilawah perlu dijalankan untuk mengatasi permasalahan kepada peserta tilawah.

KEPENTINGAN KAJIAN

1. Kajian ini signifikan dengan objektif Pertandingan Tilawah al-Quran seawalnya telah diasaskan oleh Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj pada tahun 1961. Majlis tilawah al-quran adalah salah satu acara tahunan yang dianjurkan oleh Kerajaan Malaysia untuk meninggikan syiar Islam.
2. Kajian ini memberi impak dari kelahiran Qari Qariah yang berkualiti dan menjadi pakar rujuk dari seluruh dunia untuk mempelajari al-Quran secara profesional dengan menggunakan model latihan bersepadu. Selain itu menerusi kajian ini mampu memberi impak pelancongan Islam dengan acara tahunan MTQA dan siri bengkel latihan tilawah al-Quran secara berterusan.

RUJUKAN

- Abdullah Yusof & Siti Norfariza Mohd Tawel. (2013). Pengajuran Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan: Sejarah dan Perkembangannya. *Jurnal Al-Tamadun*, 8(2), 15–25.
- Farah Ihyani Zakaria & Mohd Aderi Che Noh. (2011). Pelaksanaan Kelas Kemahiran al-Quran di Malaysia Satu Analisis. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 3(1), 47–58.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2016). *Peraturan Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan*. Putrajaya: JAKIM.
- Muhammad Kabiru Nasallah. (2016). The Importance Of Tajweed In The Recitation Of The Glorious Qur'an: Emphasizing Its Uniqueness As A Channel Of Communication Between Creator And Creations. *IOSR Journal Of Humanities And Social Science (IOSR-JHSS)*, 21(2), 207–214. <http://doi.org/10.9790/0837-21275561>.
- Najmiah Omar & Zulkifli@Md. Yaakub Mohd Yusuf. (2016). Perkembangan Pengajian Tarannum Al-Quran Di Terengganu Pada Zaman Pra-Merdeka Sehingga Tahun 2014. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 13(January 2016), 105–117.

- Portal Rasmi Majlis Tilawah al-Quran Malaysia. (2018). Sejarah. Retrieved November 25, 2018, from <http://www.alquran.gov.my/index.php/ms/info-tilawah/sejarah>.
- Ruhayati Ramly, Kamarul Azmi Jasmi & M. N. Abdullah. (2014). Penggunaan Bacaan Hamzah Wasal Menggunakan Kaedah “Bafkad.” *Journal of Islamic and Arabic Education*, 6(2), 1–11.
- Saidah Haris @ Harith, Muhammad Lukman Ibrahim & Mustaffa Abdullah. (2015). Ilmu Tarannum al-Quran: Sejarah dan Perspektif Saidah. *Jurnal Darul Quran*, 19(1), 14–36. <http://doi.org/10.1023/A>
- Sharifah Norshah Bani Syed Bidin, Mohd Shafiee Hamzah, Tasnim Abd Rahman, Kasimah Kamaruddin & Nik Azeah Nik Azman. (2018). Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Al-Quran: Kajian Di Masjid UniSZA. *Jurnal Hadhari*, 10(1), 93–108.
- Siti Norfariza Mohd Tawel. (2008). *Penganjuran Pertandingan Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa Di Malaysia: Kajian Sejarah Dan Perkembangannya*. Universiti Malaya.
- Surul Shahbudin Hassan & Muhammad Azhar Zailaini. (2013). Analysis of Tajweed Errors in Quranic Recitation. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 103(2013), 136–145. <http://doi.org/10.1016/j.sbspro.2013.10.318>.
- Zainora Daud, Muhammad Fairuz A. Adi & Mustaffa Abdullah. (2012). Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Pengajian Qiraat Di Jabatan Al-Quran Dan Al-Qiraat, Kuis: Satu Tinjauan Awal. *International Conference on Research in Islamic and Araic Language Education 2012 (ICRIALE 2012)*, (May), 473–486. <http://doi.org/10.1109/TDEI.2009.5211872>.
- Temu bual Suhaila Zulkifly Johan Qariah MTQA 2018 pada 26 November 2018 di Fakulti Keilmuan Islam KUIM.